

31/03/2003

Kelas bahasa Jepun di sebelas sekolah berasrama penuh

PASIR PUTEH: Kementerian Pendidikan bersetuju mengadakan kelas bahasa Jepun di 11 Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi (SBPI), berdasarkan keupayaan pelajar di 32 Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seluruh negara yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam mata pelajaran itu.

Ketua Penolong Pengarah Unit SBP Kementerian Pendidikan, Abdul Ghafar Mahmud, berkata keputusan peperiksaan bagi mata pelajaran bahasa Jepun di 32 SPB itu amat memberangsangkan apabila 10 sekolah mencapai kelulusan 100 peratus dan 10 buah lagi mencapai kelulusan melebihi 90 peratus.

Katanya, keputusan Kementerian Pendidikan untuk mengadakan kelas bahasa Jepun adalah selaras Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini.

"Bahasa Jepun dikategorikan salah satu bahasa antarabangsa yang akan membantu rakyat negara ini menjadi sumber tenaga yang berkemampuan menguasai teknologi Jepun dengan lebih mendalam.

"Pengisian kurikulum dalam mata pelajaran itu tidak hanya membabitkan penguasaan komunikasi dan menulis, tetapi membabitkan aspek budayanya," katanya ketika ditemui selepas merasmikan majlis penutup Hari Kebudayaan Jepun SBP Peringkat Kebangsaan di Sekolah Menengah Sains (SMS) Pasir Puteh, di sini, semalam.

Abdul Ghafar berkata, Yayasan Jepun-Malaysia juga bekerjasama dengan kementerian memperkenalkan budaya Melayu kepada masyarakat Jepun secara lebih dekat menerusi hubungan dua hala dan program pertukaran pelajar.

Beliau berkata, daripada 11 SPBI, lapan akan mengadakan kelas bahasa itu dalam tempoh terdekat ini.